

KHAMIS  
07 03  
2019

# BH VARSITI

bhvarsiti@bh.com.my

51 USAHAWAN  
Masakan Jepun 'Oden'  
jadi taruhan

53 PERSONALITI  
Haffiz Jaguh  
pidato IPTS

54 INOVASI  
Putra@Sukan urus  
sukan secara bersepadu

## PELAJAR URUS SENDIRI PILIHAN RAYA KAMPUS

➔ Pendekatan itu seiring usaha universiti beri autonomi kepada pelajar

### PRK

Tahun lalu, Kementerian Pendidikan mahu tataraca pelaksanaan PRK di UA disemak semula bagi memberi laluan kepada pelajar melaksanakannya secara telus dan bebas mengikut acuan kepimpinan mereka tanpa campur tangan pihak pengurusan universiti.

Perkara itu dipersetujui dalam Mesyuarat Penyelaras PRK antara Jabatan Pendidikan Tinggi, Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Pegawai Undang-undang UA yang dipengerusikan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Datin Paduka Ir Dr Siti Hamisah Tapsir.

Pindaan AUKU Seksyen 15(2)(C) yang memberi peluang untuk mahasiswa berpolitik di kampus turut dilihat satu langkah tepat sekali gus memberi kebebasan kepada pelajar untuk menyuarakan pendapat dan mendedahkan mereka dengan dunia politik sebenar di Malaysia secara menyeluruh.



Oleh Nor Azma Laila dan Mohd Khairul Anam Md Khairudin  
bhvarsiti@bh.com.my

### ➔ Kuala Lumpur

Jika 'sebelum ini pilihan raya kampus (PRK) atau lebih dikenali dengan nama pemilihan majlis perwakilan pelajar (MPP) diuruskan sepenuhnya oleh pihak pengurusan universiti, tetapi lain pula halnya untuk sesi pengajian tahun ini.

Dimulakan oleh Universiti Malaya (UM) yang memberikan autonomi kepada pelajar untuk menguruskan sepenuhnya pilihan raya kampus melalui penubuhan Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus, situasi PRK di universiti awam (UA) dijangka berubah dan kembali meriah dengan kempen yang dijalankan calon yang bertanding.

Meskipun kebanyakan UA sudah selesai menjalankan pilihan raya masing-masing pada sesi pengajian lalu, pihak pengurusan universiti terus menun-

jukan sokongan untuk membenarkan pelajar menguruskan sendiri PRK bagi sesi pemilihan akan datang.

Pendekatan itu seiring dengan usaha Kementerian Pendidikan (KPM) yang mahu PRK pada tahun ini memberi peluang kepada pelajar untuk membawa semangat autonomi dengan kebebasan bersuara sepenuhnya, berpolitik dan bersesuaian dalam memperjuangkan hal ehwal pelajar, kebajikan, akademik, politik mahupun aktiviti tanpa pembabitkan pihak pengurusan UA.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof Dr Durrishah Idrus, berkata kebebasan pelaksanaan PRK itu bersesuaian dengan keperluan pelajar untuk proses kematangan diri dalam mengurus, bekerjasama, membuat keputusan dan menangani krisis.

Katanya, melalui proses menguruskan sendiri pilihan raya itu, pelajar akan lebih matang, sabar, berusaha, memahami orang lain, dan tahu bagaimana mengendalikan proses pilihan raya yang telus dan diterima ramai. **V28/29**

### redaksi

Pengarang Kumpulan BH  
Khair A Majid

Pengarang Eksekutif Kanan  
Saidon Idris

Pengarang Berita Pendidikan  
Rizuan Yop

Pendang Pengarang Berita Pendidikan  
Mohd Zin Mohd Ali

Penyunting  
El Razana Razali

Wartawan  
Nor Azma Laila

Naz Norzela Nabah  
Mohd Khairul Anam Md Khairudin

Artis Eksekutif  
Mohd Hakim Ismail

Mohd Zainudin Ismail

Akustor  
Khairul Anwar Md Nor (Tee)

E-mel: bhvarsiti@bh.com.my

Pengiklanan  
Tel: 1300226787

Berita Harian / Versi Pendidikan  
Tel: 1300226787 / Faks: 5100  
Faks: 03-2056 7081

LANGGANAN  
Jabatan Pengedaran dan Akaun  
Alhbar NSTP 31, Jalan Riong,  
52100 Kuala Lumpur

E-mel: education@bh.com.my  
mediag@bh.com.my  
Samb: 7755  
Tel: 03-2724 8999

E-mel: alan@redaksi@bh.com.my  
@bhvarsiti@bh.com.my atau  
@bhvarsiti

11, Jalan Riong, 52000,  
Kuala Lumpur

www.bhvarsiti.com.my

fb/bhvarsiti

fb/bhvarsiti

## Pendedahan awal pilihan raya sebenar

➔ Kebebasan dalam menguruskan pilihan raya dan memilih pemimpin pelajar adalah langkah tepat

### ➔ Kuala Lumpur

Autonomi yang dibekalkan kepada pelajar untuk menguruskan sepenuhnya pilihan raya kampus bermula tahun ini bakal menjadikan proses pemilihan pemimpin pelajar lebih telus sekali gus memberi pendedahan awal kepada mereka mengenai proses pilihan raya sebenar.

Pindaan AUKU Seksyen 15(2)(C) yang dibuat tahun lalu juga dilihat memberi peluang untuk mahasiswa berpolitik di kampus sejajar dengan saranan Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik yang mahu pelajar diberikan kebebasan bersuara dan bersesuaian di universiti.

Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor, Muhammad Aznur Syah Azman, berkata sudah tiba masanya untuk pelajar menguruskan sendiri pilihan raya kampus kerana generasi muda pada hari ini sudah menunjukkan minat terhadap politik ketika masih menuntut di universiti.

"Kebebasan dalam menguruskan pilihan raya dan memilih pemimpin pelajar ini adalah satu langkah yang tepat kerana ia dapat melatih generasi muda untuk mengambil tahu mengenai politik dan isu semasa serta melatih mereka untuk lebih matang dalam memilih pemimpin.

"Bukan saja proses itu akan lebih telus tetapi pada masa sama, kita juga dapat melahirkan golongan pemimpin pelajar yang bakal menerajui negara pada masa depan, lebih awal iaitu di peringkat universiti lagi," katanya.

Pemilihan MPP UiTM yang



Mahasiswa membuang undi pada hari pengundian PRK UM, baru-baru ini.

simulasi akan turut diadakan bagi memberikan latihan dan penambahbaikan kepada proses pilihan raya kampus sebelum ini yang menyaksikan sebanyak 45 kerusi dipertandingkan membuatkan tiga kampus USM.

### Terbuka dan matang

Yang Dipertua MPP, Universiti Putra Malaysia (UPM), Muhammad Izzuddin Rosli pula berkata, pendekatan baharu itu akan memberi pendedahan mengenai pendidikan politik kepada pelajar di peringkat universiti dengan lebih terbuka dan matang.

Katanya, seiring dengan pindaan AUKU, pelajar perlu mengambil tahu mengenai perkembangan politik sebenar di negara ini tetapi pada masa sama membuat pertimbangan bijak dalam setiap isu politik yang berlaku supaya tidak menggadaikan tanggungjawab sebagai pelajar.

"Di UPM, pemilihan MPP yang lalu menyaksikan pembabitkan pelajar dalam proses pilihan raya adalah sebanyak 60 peratus dan kami bercadang meningkatkan kepada 80 peratus untuk sesi pemilihan akan datang.

"Kami akan membincangkan perkara ini dalam parlimen mahasiswa UPM yang membabitkan semua wakil pemimpin pelajar termasuklah perwakilan MPP, kolej kediaman, fakulti, kelab dan persatuan bagi mencari keputusan terbaik untuk pilihan raya kampus akan datang," katanya.



Muhammad Aznur Syah



Mohammad Ariffudin



Muhammad Izzuddin